

29/06/2000

Kaji semula hasrat ambil tindakan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim supaya mengkaji semula hasratnya untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap Petronas kerana meneruskan pembayaran royalti minyak kepada Terengganu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sesiapa pun bebas untuk membuat apa-apa tindakan mengenai sesuatu bagi menuntut pembelaan.

"Apa yang dinyatakan oleh Shahidan itu adalah satu kenyataan akhbar. Tetapi kalau dia ada kes yang betul-betul serius nak membawa perkara itu bagi mendapat perintah mahkamah, saya fikir ada baik juga dia kaji betul-betul dulu mengenai perkara ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Shahidan semalam yang bercadang mengambil tindakan mahkamah kerana berpendapat, Petronas sepatutnya menyerahkan kesemua royalti minyak kepada Kerajaan Pusat untuk diagihkan kepada semua kerajaan negeri.

Shahidan mendakwa, pembayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu selama ini dibuat tanpa mengikut perjanjian dan undang-undang.

Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan yang memetik sumber melaporkan bahawa Kerajaan Pusat bersetuju membayar royalti sebanyak RM810 juta kepada Terengganu walaupun kajian terperinci menunjukkan negeri itu tidak mempunyai sebarang hak ke atasnya.

Jumlah royalti itu dikatakan 75 peratus lebih tinggi daripada apa yang diberi ketika negeri itu diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN). Tahun lalu, kerajaan Terengganu, yang kini dikuasai Pas, dibayar RM426 juta.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas mengenai laporan itu berkata Terengganu serta negeri lain di Semenanjung tidak berhak menikmati royalti minyak, kecuali di Sabah dan Sarawak.

Ditanya sama ada Petronas mampu untuk mengagihkan royalti minyak jika semua negeri meminta ia berbuat demikian, Abdullah membayangkan ia boleh dilakukan.

"Bagi (beri royalti) kepada negeri yang ada ... banyak sama banyak, sedikit sama sedikit, bukan tak boleh agih," katanya.

Mengenai tindakan kerajaan Pas Terengganu yang turut mengkaji perundangan bagi menentukan hak Terengganu yang sebenarnya ke atas hasil perolehan minyak dan gas yang ditemui di perairan negeri itu, beliau berkata ia terpulang kepada parti berkenaan.

"Kita pun sedang melihat dari segi undang-undang juga. Bagaimanapun, pada peringkat ini masing-masing sedang mempertimbangkan isu ini dari segi undang-undang, segi hak atau keutamaan.

"Selepas itu, tentulah akan ada keputusan yang diambil mengenainya. Saya fikir pada waktu ini tak payah beri komen lanjut, tetapi yang perlunya kita nak tahu sama ada perkara itu (bayaran royalti) wajar diteruskan ataupun tidak dari segi undang-undang," katanya.

Ditanya mengapa soal royalti itu ditimbulkan sekarang, beliau berkata perkara itu sudah dibincangkan dan masih dalam pertimbangan.

"Cuma bila timbul berita ini, maka perkara itu dibesarkan lagi. Bukanlah kita hanya berfikir sekarang ini kerana royalti yang bertambah besar diberi kepada Terengganu," katanya.

(END)